

# Tolak asrama sebab nak bebas

KOSMO 03/07/07 pg.1d

Oleh MANIRAH OTHMAN  
berita@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Tindakan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menolak untuk tinggal di asrama bukan disebabkan bayarannya yang mahal, sebaliknya mahu bergerak lebih bebas dengan menyewa di luar.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT, Mohd. Hakimie Zainal Abidin memberitahu, pelajar ini mungkin tidak selesa dengan sekatan yang ditetapkan pihak asrama.

"Mungkin ada di antara mereka yang tidak selesa tinggal di asrama berbanding luar asrama kerana mahu hidup berdikari sepenuhnya," katanya ketika dihubungi KOSMO! semalam.

Ia sebagai mengulas kenyataan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Prof. Dr. Abdul Majid Mohd. Isa, mengenai pelajar ke-masukan sesi Julai ini yang tidak berminat tinggal di asrama kerana mendakwa kadar bayarannya mahal.

Jelas Hakimie, pelajar yang tinggal di asrama tidak boleh keluar masuk sesuka hati di antara pukul 12 tengah malam sehingga pukul 6 pagi.

"Bila dah jauh daripada ibu bapa, mungkin pelajar ni rasa nak hidup lebih bebas lagi dan melakukan segala aktiviti tanpa dikawal," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pelajar berkenaan tidak dapat mengelak daripada dikenakan tindakan se-kiranya tinggal di luar asrama kerana mereka tetap terikat dengan undang-undang universiti.

Selain itu, jelasnya, pengawal keselamatan UMT juga selalu membuat rondaan di sekitar kawasan penempatan pelajar yang tinggal di luar.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kaunseling UMT, Haslina Hasan memberitahu, dia dan rakan-rakannya membuat keputusan menyewa rumah kerana sebelum ini tempat yang disediakan adalah terhad.

"Kalau nak duduk asrama, keputusan peperiksaan mesti baik dan nak kena aktif masuk aktiviti, kalau tidak, peluang nak dapat susah," katanya.

Bagi Khairunisa Abdul Rahman, 22, tinggal di rumah sewa membolehkan dia berjimat kerana mereka boleh memasak makanan sendiri.

"Ia lebih jimat sebab kalau tinggal di asrama nak kena beli makanan, lagipun saya ni orang Sarawak, bila cuti raya tak ada kedai buka," katanya.

## Tolak asrama

400 siswi UMT  
mendakwa  
bayaran mahal

AGAK mengajak sebanyak 400 daripada siswi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak bermiat tinggal di asrama.

Alasan mereka, kadar bayaran kemudahan itu antara RM3 hingga RM5 sehari tidak masuk campur

Masa rumah di luar kampus.  
Nasriani pelak UMT mempunyai  
sebab mencabut mengenai  
kadar bayaran sedemikian.

LAPORAN LANJUT  
DI MUKA A



KERATAN muka depan KOSMO! semalam.